

29 JAN 2000

BSKL-MINGGUAN/I

CI AKAN MENGUKUH DALAM JAJARAN 930-970 MATA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Indeks Komposit (CI) dijangka terus berlegar di dalam jajaran 930 dan 970 mata minggu depan apabila pasaran berihat setelah peningkatan jangka panjangnya baru-baru ini, kata seorang peniaga.

Sungguhpun akan terdapat sedikit dorongan minat ke atas saham-saham perbankan memandangkan tarikh akhir 31 Jan 2000 untuk penggabungan bank-bank, ia mungkin tidak memadai untuk melonjakkan CI sehingga sebanyak 40 mata, tambahnya.

CI di dalam "fasa pengukuhan" sebelum ini adalah di antara Ogos dan Disember 1999 sebelum ia memecah dan melonjak kepada kira-kira 970 mata sebelum ia menjunam ke parasnya sekarang.

Sentimen dan kekukuhan pasaran, katanya, adalah masih lemah dan pengukuhan mungkin berteusan untuk kira-kira dua minggu lagi sebelum melambung menuju halangna psikologi 1,000 mata.

"Tahap 1,000 mata berkemungkinan dicapai menjelang akhir Mei berikutan kemasukan semula CI ke dalam Indeks yang diperhati dengan teliti Morgan Stanley Capital International (MSCI)", katanya.

Sementara itu, pasaran mungkin terus melihat dagangan turun naik yang mungkin menjadi meruap pada akhir minggu depan, tambahnya.

Dalam minggu yang dikaji, pasaran kebanyakannya turun naik pada awal minggu dan menjadi lembap dalam dua hari terakhir.

Spekulasi negatif mengenai anak syarikat Renong, Time Engineering Bhd berkaitan dengan sama ada lanjutan perlindungan pemiutangnya yang dinikmatinya akan diberikan oleh Mahkamah Tinggi hari Khamis mencetus penjualan saham-saham berkaitan kumpulan Renong hari sebelumnya.

Ia mempunyai kesan ke atas sentimen pasaran menyeluruh yang mencetuskan tekanan jualan berkekalan secara menyeluruh oleh pelabur-pelabur individu dan berinstitusi.

Khobar angin mengenai kesihatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa cuti di seberang laut juga menjejaskan harga saham dalam minggu ini.

Sungguhpun saham-sahama berkaitan kumpulan Renong pulih apabila disahkan bahawa pemiutang Time akan mendapat lanjutan tiga bulan daripada perlindungan mereka sehingga 1 April 28, minat pasaran ke atasnya tidak kembali.

Cuma terdapat belian dana tempatan yang kecil ke atas saham-saham mewah pada harga lebih rendah tetapi tidak cukup untuk menungkah arus.

Berdasarkan dagangan Jumaat hingga Jumaat, CI jatuh 18.39 mata kepada 935.57, Indeks Emas jatuh 4.9 mata kepada 237.67 dan Indeks Papan Kedua susut 6.85 mata kepada 209.78.

Indeks Kewangan rugi 111.8 mata kepada 7,925.7 dan Indeks Perusahaan susut 31.03 mata kepada 1,540.4.

Jumlah dagangan di pasaran biasa jatuh kepada 3.504 bilion saham bernilai RM8.889 bilion dari 4.736 bilion saham berjumlah RM12.227 bilion dalam minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan papan utama jatuh kepada 3.294 bilion saham berjumlah RM8.068 bilion dari 4.419 bilion saham bernilai RM11.162 bilion sebelumnya.

Jumlah dagangan papan kedua adalah lebih rendah kepada 209.522 juta saham bernilai RM821.506 juta berbanding 317.227 juta saham bernilai RM1.064 bilion.

Urusniga langsung turut jatuh kepada 143.543 juta saham bernilai

RM441.188 juta dari 198.492 juta saham berjumlah RM546.416 juta.

Berdasarkan sektor, barangan pengguna menyumbang 65.675 juta saham diniagakan di papan utama dalam minggu ini, barangan industri 255.205 juta, pembinaan 270.014 juta, dagangan/perkhidmatan 662.127 juta, infrastruktur 15.991 juta, kewangan 453.850 juta, hotel 8.623 juta, harta 405.508 juta, perladangan 48.536 juta, perlombongan 14.261 juta, amanah 1.012 juta, dana tertutup 4.968 juta, pinjaman 275.162 juta, TSR/Warrant 182.175 juta dan dagangan hak 1.462 juta.

Time Engineering-warrants adalah kaunter paling cergas bagi minggu ini dengan jumlah dagangan sebanyak 326.488 juta saham. Bagi minggu ini, ia ditutup 24 sen lebih rendah kepada RM1.84.

Saham cergas lain ialah Berjaya Group-warrants yang turun satu sen kepada 40 sen (116.580 juta saham), Renong jatuh 19 sen to RM2.73 (109.666 juta saham), Time Engineering jatuh 36 sen kepada RM3.12 (93.019 juta saham), Malaysian Plantations-Iculs jatuh 13 sen kepada RM1.89 (84.032 juta saham), MBf Capital susut tujuh sen kepada RM1.26 (78.903 juta saham), MCB Holdings turun 12 sen kepada RM1.33 (76.375 juta saham), Intria-warrants rugi lima sen kepada 59 sen (71.734 juta saham), Intria jatuh 10 sen kepada RM1.03 (71.319 juta saham) dan Malaysian Resources jatuh 14 sen kepada RM3.28 (68.902 juta saham).

Di Bursa Urusniaga Sekuriti dan Sebutharga Automasi Malaysia (Mesdaq), Indeks Komposit Mesdaq ditutup 3.12 mata lebih rendah kepada 87.50. Saham komponen tunggalnya, Supercomal Technologies, jatuh 10 sen kepada RM2.80.

-- BERNAMA

MFZ SHY OS